

# Nak healing di Cameron Highland tapi tak nak bersesak dalam jem. Sekata Apartment spot terbaik cari ketenangan, hanya RM168 je

Oleh Noni Wahab - July 18, 2024



Tak larat nak tekan pedal minyak dan brek setiap masa nak menghadap kesesakan teruk di Cameron Highland. Bayangkan nak menuju lokasi sejauh 6 kilometer dari Tanah Rata ke Cameron Centrum pun boleh makan masa selama dua jam.

Jadi apa alternatif terbaik untuk *healing* di Cameron Highland, namun masih boleh *feeling* sejuk macam dekat *oversea*? Selepas keluar tol Tapah, teruskan perjalanan selama lebih kurang 45 minit untuk ke Ringlet dan check in di Sekata Apartment.

**Lokasi:** Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Jalan ODP 2, 39200 Ringlet Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang, Malaysia, 39200



Ruang yang disediakan cukup luas dan selesa untuk percutian keluarga.


Apartment tiga bilik tidur dan dua bilik air ini lengkap dengan ruang tamu, ruang makan, dapur dan balkoni dengan hanya RM168 semalam. Murah kan? Apa yang menarik, Sekata Apartment dikelilingi bukit bukau dan cuacanya cukup nyaman dan sejuk. Paling *win* tentulah pemandangan waktu pagi melihat keindahan alam dari balkoni, saujana mata memandang.



Pemandangan waktu pagi dari ruang balkoni Sekata Apartment.

Apartment ini juga menyediakan Sekata Farmasi dan satu-satunya kolam renang air suam di Cameron Highland yang terletak di Sekata Makmur. Siap ada padang terbuka di tingkat atas untuk tujuan 'gathering', majlis perkahwinan, team building dan juga bilik acara.

Paling menarik, Kenny Rogers juga menyediakan penghantaran secara percuma kepada semua yang menginap di sini.



Wajib mulakan perjalanan seawal pukul 7.00 pagi agar perjalanan lancar dan untuk mengelakkan kesesakan. Ini antara cadangan itineri yang boleh dilakukan di Cameron Highland bermula dari Sekata Apartment.

### **1. Ladang Teh Boh Sungai Palas**

Perjalanan sejauh 27 kilometer ini antara lokasi paling popular di Cameron Highland untuk menikmati secawan teh panas bersama scone dan sepotong kek sambil ditemani keindahan ladang teh yang menghijau.



Foto kredit [Ladang Teh Boh Sungai Palas](#).

## 2. Cameron Valley Tea House 1 atau 2

Atau anda boleh mulakan dengan lokasi ladang teh paling dekat iaitu di Cameron Valley Tea House 1 atau 2 yang hanya 10 kilometer dari lokasi Sekata Apartment. Tak perlu berebut parking dan kekal tenang nikmati pengalaman menyusuri ladang teh sehingga ke lokasi air terjun dan mercu tanda Cameron Valley. Juga disediakan perkhidmatan *buggy*. Jangan lupa beli serbuk teh Cameron Valley, sedap.



### 3. Lavender Garden

Terletak hanya 9 kilometer dari Ladang Teh Boh Sungai Palas, Lavender Garden antara lokasi wajib singgah. Dikelilingi keindahan bunga dan spot 'instagrammable', ketenangan dan wangian aromatik memberikan satu kesegaran baru untuk mulakan hari. Jangan lupa rasai keenakan kek keju lavender dan aiskrim lavender.



Foto kredit FB Cameron Lavender.

#### 4. Cameron Santorini

Berinspirasikan pulau Santorini, elemen reka bentuk tarikan menyerupai seni bina di tempat ikonik tersebut memberikan vibes seakan-akan di Greece. Paling menarik mestilah spot terbaik untuk bergambar.



Kredit foto Google.

## 5. Kea Farm

Dibuka seawall 7.00 pagi, Kea Farm lokasi paling popular untuk mendapatkan barangan segar dari Cameron Highland. Daripada sayur-sayuran sehingga barang cenderamata.

## 6. Cameron Centrum

Daripada Kea Farm turun ke Cameron Centrum untuk feeling seperti di Kota London.

## 7. Pasar Malam Cameron Highland

Akhiri hari pertama di Pasar Malam di Brinchang. Jika tidak sempat ke Kea Farm, segala jenis sayuran dan buah-buahan boleh didapati di sini dengan harga yang sangat berpatutan. Malah Tanghulu di sini juga hanya RM10 untuk tiga batang.

## 8. Tanah Rata

Hari kedua boleh dimulai terus di Tanah Rata seawal pukul 8.00 pagi. Terdapat beberapa lokasi menarik di sini antaranya Agro Technology Park MARDI Cameron Highlands, KHM Strawberries & Jam, Animal Feeding Rainbow Garden, Aidilbadri Strawberries Cafe & Farm dan banyak lagi lokasi menarik.



